

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
(PUTATAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.03.2018

Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [PUTATAN] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

(a) jumlah keuntungan/kerugian Sistem Penerbangan Malaysia (Malaysia Airlines System - MAS) bagi tahun kewangan 2013 sehingga tahun 2017; dan

(b) jumlah pekerja yang telah ditamatkan perkhidmatan serta jumlah pengambilan pekerja baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Pemulihan Malaysian Airline System Berhad (PPM) yang sedang dilaksanakan oleh

Khazanah Nasional Berhad mulai 29 Ogos 2014, memberi tumpuan kepada

12 bidang utama meliputi proses Tadbir dan Rangka Kerja Kewangan, Model Operasi Perniagaan, Kepimpinan dan Modal Insan serta Pengawalseliaan.

Jumlah keuntungan/kerugian Kumpulan Malaysian Airline System Berhad (MAS) bagi tahun kewangan 2013 dan 2014 iaitu sebelum PPM dilaksanakan, berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit adalah seperti berikut:

Tahun	Keuntungan/Kerugian (RM' 000)
2013	(1,168,839)
2014	(5,042,138)

Namun mulai pada 1 September 2015, Malaysia Airlines Berhad (MAB) telah mencatatkan kemajuan positif selaras dengan hasrat PPM tersebut di atas, dimana MAB akan terus memberi tumpuan kepada pelaksanaan inisiatif-inisiatif untuk memulihkan prestasi perkhidmatan dan kewangan syarikat.

Manakala bagi tahun kewangan 2015 dan 2016, jumlah

keuntungan/kerugian Kumpulan MAB berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit adalah seperti berikut:

Tahun	Keuntungan/Kerugian (RM' 000)
2015	(986,585)
2016	(438,869)

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan pelaksanaan PPM juga, didapati jumlah pekerja Malaysian Airline System Berhad (MAS) apabila tamat beroperasi pada

31 Ogos 2015 adalah seramai 19,300 orang. Apabila syarikat baharu iaitu Malaysia Airlines Berhad (MAB) mula beroperasi pada 1 September 2015, jumlah pekerja secara keseluruhan adalah seramai 13,200 orang. Sehingga 31 Disember 2017, jumlah pekerja bagi syarikat-syarikat di bawah Kumpulan MAB (di bawah syarikat induk iaitu Malaysia Aviation Group Berhad) adalah seramai 12,600 orang.